



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 175 BIL.23/2025**

**PENDAFTARAN KELUAR BILIK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAGI
SESI AKADEMIK 2024/2025**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

1. Semua pelajar yang sedang menginap di Kolej Kediaman Kampus Gambang dan Pekan perlu melakukan pendaftaran keluar bilik (*check out*) dengan sempurna mulai **23 JUN 2025 sehingga 16 JULAI 2025**.
2. Semua pelajar adalah **WAJIB** untuk mematuhi perkara di bawah sebelum mendaftar keluar dari bilik masing-masing

BIL	PERKARA	DENDA (JIKA INKAR)
1	Mengisi permohonan daftar keluar Kolej Kediaman secara atas talian melalui sistem My Gading Pelajar.	<p>KOMPAUN RM50 KOD KESALAHAN NO 6: <i>Ingkar arahan pegawai atau pekerja Universiti (subkaedah 27)</i></p>
2	Memastikan bilik/rumah dalam keadaan yang bersih dan kemas. Perabot dan kelengkapan fasiliti yang disediakan berada dalam susunan asal	
3	Sila pastikan set kunci yang lengkap beserta kad akses (untuk pelajar KK4 sahaja) dipulangkan semasa daftar keluar.	

3. Semua pelajar perlu mematuhi etika berpakaian ketika hadir ke Pejabat bagi melakukan proses pendaftaran keluar. Sila pameran juga kad matrik sekiranya diminta. Berikut adalah tarikh dan waktu operasi Pejabat Kolej Kediaman bagi berurusan daftar keluar bilik.

Tarikh	Hari	Waktu Operasi
26 Jun 2025 Sehingga 16 Julai 2025	Isnin - Khamis	8.30 Pagi - 12.30 Tengahari 2.30 Petang - 4.30 Petang
	Jumaat	8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 3.00 Petang - 4.30 Petang
	Sabtu Ahad & Cuti Umum	<i>Drop Box</i>

4. Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Kolej Kediaman atau email kepada residen@umpsa.edu.my. Sila rujuk Lampiran 1 di bawah sebagai panduan pendaftaran keluar Kolej Kediaman.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Disediakan Oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 01 Julai 2025

LAMPIRAN 1

CARTA ALIRAN KERJA
Pendaftaran Keluar Kolej Kediaman

